

## **KAJIAN KEPERLUAN MENGADAKAN KURSUS PENGENALAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

### **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Satu kajian soal selidik telah dijalankan terhadap institusi pengajian tinggi awam/ institusi pengajian tinggi swasta, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan industri bagi mengkaji kesesuaian dan keperluan bagi mengadakan kursus pengenalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di institusi pengajian tinggi. Hasil kajian menunjukkan 94.4 peratus responden institusi pengajian tinggi bersetuju dan bersedia melaksanakan kursus KKP yang dicadangkan pada peringkat prasiswazah. Sebanyak 83.8 peratus responden institusi pengajian tinggi berpendapat kursus yang dicadangkan bersesuaian dan sebanyak 77.8 peratus responden institusi pengajian tinggi bersetuju bahawa kursus yang dicadangkan akan mengukuhkan lagi program prasiswazah mereka. Keputusan kajian juga menunjukkan 61.1 peratus responden institusi pengajian tinggi berpendapat kursus yang dicadangkan sesuai dan boleh ditawarkan di peringkat sarjana muda dan pasca siswazah.

Keputusan soal selidik pelbagai sektor industri (PBT, Perhotelan, Pembuatan dan lain-lain) menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya 95.0 peratus responden menyatakan bahawa kursus yang dicadangkan memang sesuai dan kurikulum kursus memenuhi keperluan semasa organisasi mereka. Hasil kajian mendapati hampir semua sektor industri memberikan keutamaan kepada siswazah yang memiliki pengetahuan dalam KKP untuk mengisi jawatan di organisasi masing-masing. Kajian ini juga menunjukkan semua sektor pekerjaan boleh menawarkan pekerjaan kepada siswazah berpengetahuan KKP terutamanya bidang pengurusan sumber manusia, penyelenggaraan/kejuruteraan, keselamatan dan persekitaran. Keputusan soal selidik sektor industri menunjukkan sekurang-kurangnya 68.0 peratus responden berpendapat bahawa kursus KKP perlu ditawarkan pada peringkat sarjana muda, manakala sekitar 20.0 peratus responden menyatakan boleh ke peringkat sarjana dan 9.0 peratus lagi boleh sehingga ke peringkat Doktor Falsafah.

Sebagai kesimpulan kajian pasaran bagi keperluan mengadakan kursus pengenalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di institusi pengajian tinggi ini mendapati bahawa pihak pengurusan tertinggi dan akademik di institusi pengajian tinggi amat menyokong penawaran kursus KKP kepada semua pelajar peringkat prasiswazah kerana kesesuaiannya dengan keperluan semasa dan ianya tidak akan mengubah banyak struktur pengijazahan yang sedia ada. Pihak institusi pengajian tinggi juga

berpendapat graduan yang berpengetahuan KKP mempunyai nilai tambah dan ini akan menambahkan peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang pekerjaan. Keputusan kajian juga menunjukkan semua pihak industri yang terdiri daripada PBT, perhotelan dan syarikat bersetuju bahawa kursus KKP yang dicadangkan kepada semua bakal tenaga kerja amat bersesuaian dan memenuhi keperluan aspek KKP di organisasi masing-masing. Pihak industri juga menunjukkan kesediaan yang tinggi untuk memberi keutamaan kepada siswazah berpengetahuan KKP dalam pengisian jawatan.

## ***A STUDY ON THE NEEDS OF AN INTRODUCTORY COURSE ON OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (OSH) IN INSTITUTE OF HIGHER LEARNING***

### **EXECUTIVE SUMMARY**

A study has been conducted on public higher education institution/private higher education institution, Local Authority (LA) and Industries to examine the suitability and the need for conducting an introductory course on occupational safety and health (OSH) in higher education institution. The result shows that 94.4 per cent respondent in higher education institution indicated their willingness and readiness to implement the proposed course at the undergraduate level. About 83.8 per cent respondent in higher education institution was in the opinion that the proposed course is suitable and about 77.8 per cent indicated that they agree that the proposed course will further enhance their undergraduate programme. The result also indicated that 61.1 percent respondent was in the opinion that this proposed course is appropriate and could be offered at the undergraduate and postgraduate levels.

Analysis on the responses from the industry (LA, Hotel, Manufacturing, and others) shows that at least 95.0 per cent respondents indicated that the proposed course is appropriate and the curriculum meets their current organizational needs. The result shows that almost all industries indicated preferences will be given to graduate with knowledge in OSH in filling job vacancies in their respective organization. The study also shows that all sectors were able to offer job opportunities to graduates knowledgeable in OSH particularly in the fields of human resource management, engineering/maintenance, safety and environment. Results on the industry responses showed at least 68.0 per cent were in the opinion that the course should be offered at the undergraduate level, while about 20.0 per cent respondents declare

that it could be offered at the postgraduate level and 9.0 per cent said it could be offered up to the doctoral level.

To conclude, the market survey on the needs for an introductory course on occupational safety and health in higher education institutions reveals that the management and academic levels of the higher education institution strongly agree that the course on OSH be offered to all students at the undergraduate levels since it is appropriate with the current needs and further more it does not require a major restructure of the present graduation structure. The higher education institution were also in the opinion that knowledge in OSH is an added value to the graduates and that will enhance their employability prospect in various types of occupation. The result also shows that all industries comprising LA, hotel and firms agreed that the proposed OSH course to all potential employees is very appropriate and relevant with their organization's OSH requirements. The industry also indicated their high level of readiness to give preferences to graduates with OSH knowledge in filling job vacancies.